KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	2/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	TNB			

Tarif elektrik kekal kadar 39.45 sen per kWj



Pengguna elektrik di Semenanjung juga dapat terus menikmati kadar rebat semasa sebanyak 2 sen/kWj. (Foto hiasan)

Pengekalan susulan keputusan tangguh laksana IBR TNB bagi tempoh RP3

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar purata tarif asas elektrik di Semenanjung, dikekalkan pada kadar 39.45 sen per kilowatt jam (kWj) mulai semalam sehingga satu tarikh yang akan diputuskan kerajaan kelak.

Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, pengekalan kadar tarif itu susulan keputusan kerajaan kelmarin, untuk menangguhkan pelaksanaan Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) Tenaga Nasional Bhd (TNB) bagi tempoh Regulatori Ketiga (RP3).

Katanya, selain itu, kerajaan turut memutuskan menangguh pelaksanaan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api Tidak Seimbang (ICPT) mulai semalam sehingga ke satu tarikh yang akan ditentukan.

"Dengan keputusan penangguhan RP3 dan ICPT ini, pengguna di Semenanjung, tidak akan mengalami kenaikan kadar tarif asas elektrik.

"Susulan itu, mulai hari ini, kadar purata tarif asas elektrik kekal pada 39.45 sen/kWj di Semenanjung sehingga ke satu tarikh yang akan diputuskan kerajaan," kata ST menerusi satu kenyataan semalam.

Katanya, selain pengekalan purata tarif itu, kadar rebat semasa sebanyak 2 sen/kWj kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung, turut dikekalkan sepanjang tempoh berkenaan.

Pada 23 Disember 2020, kerajaan mengekalkan purata tarif asas TNB pada kadar 39.45 sen/kWj bagi 2021 dan rebat sebanyak 2 sen/kWj kepada semua pemilik akaun TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 dan dilanjutkan hingga kelmarin.

Rebat yang pertama kali diperkenalkan sejak Julai 2018 pula dinikmati semua pengguna elektrik TNB, domestik dan bukan domestik.

Langkah terbabit diambil berikutan keputusan kerajaan untuk melanjutkan tempoh Regulatori Kedua TNB di bawah mekanisme IBR sehingga kelmarin.

Bermula 1 Januari 2014, purata kadar tarif elektrik TNB dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj (14.89 peratus) daripada 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/Kwj.

Dalam kajian semula Bajet 2015, kerajaan mengumumkan penangguhan kenaikan tarif bagi 2015.

Seterusnya pada 2017, kerajaan bersetuju mengekalkan kadar purata tarif elektrik asas yang dikenakan kepada pengguna di Semenanjung, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2017.

Rebat tarif 1.52 sen/kWj di Semenanjung kekal bagi 1 Julai hingga 31 Disember 2017 dikekalkan.